

Sinar Harian - 8/4/16

Tedung selar masuk UnisZA

JERTIH - Penghuni kolej kediaman Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) Kampus Tembila, dekat sini, dikejutkan dengan kehadiran seekor ular tedung selar yang disedari seorang pelajar lelaki berusia 23 tahun pada kira-kira jam 9 pagi kelmarin.

Pegawai Pertahanan Awam Besut, Suhaimi Awang berkata, pelajar berkenaan menyedari kehadiran reptilia berbisa seberat 10 kilogram (kg) dengan ukuran panjang tiga meter itu dalam bilik kediamannya ketika sedang berbaring di atas katil.

"Dia (pelajar) terkejut dan te-

rus keluar bilik untuk menyelamatkan diri sebelum memaklumkan kejadian kepada rakan-rakannya. Pihak pengurusan UnisZA kemudiannya menghubungi Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Besut untuk membantu menangkap ular berkenaan.

"Empat anggota JPAM dikejar-kan ke lokasi kejadian dan ular tersebut berjaya ditangkap pada jam 10.30 pagi. Ular tersebut dipercayai sesat atau mengejar mangsanya sama ada tikus atau katak, atau mungkin berlindung daripada cuaca panas dalam bilik berkenaan," katanya.



Dua anggota JPAM Besut berjaya menangkap dan membawa keluar seekor ular tedung selar dari sebuah bilik di kolej kediaman UnisZA Kampus Tembila, kelmarin.